

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN KUIM

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bagi tujuan pelaksanaan peperiksaan akhir secara dalam talian yang akan berkuatkuasa bagi sesi II 2021 /2022 dan berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Bil. 1/2022 bertarikh 14 Februari 2022 serta arahan ini adalah tertakluk kepada arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa.
- 1.2 Peperiksaan akhir secara dalam talian akan diadakan mengikut jadual peperiksaan yang ditetapkan oleh BHEA berdasarkan takwim akademik KUIM.

2.0 SEBELUM PEPERIKSAAN AKHIR

2.1 Platform Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

- a. Pensyarah boleh menggunakan sebarang bentuk platform dalam talian yang bersesuaian, seperti *Google Form*, *Google Classroom* dan lain-lain medium yang dibenarkan oleh fakulti.
- b. Peperiksaan akhir yang dijalankan secara segerak (*synchronous*) dan *real time*, penggunaan aplikasi seperti *Zoom*, *Webex*, *Google Meet*, *Skype* dan lain-lain adalah digalakkan bagi pensyarah kursus memantau secara langsung perjalanan peperiksaan akhir.

2.2 Pengurusan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian

- a. Peperiksaan Akhir secara dalam talian boleh dijalankan dalam dua (2) sesi peperiksaan, iaitu :

Sesi 1 (pagi)	: 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Sesi 2 (petang)	: 2.00 petang hingga 6.00 petang
- b. Tempoh masa peperiksaan ini termasuk tempoh persediaan dan penghantaran jawapan. Peruntukan masa yang sesuai perlu diberikan kepada pelajar untuk menjawab soalan, memuat turun (*download*) soalan, memuat naik (*upload*) jawapan dan lain-lain. Cadangan peruntukan masa adalah seperti berikut:
 - i. Tempoh pengisian maklumat dan pengakuan akujanji: 15 minit
 - ii. Tempoh menjawab soalan: bergantung kepada tempoh masa kursus yang ditetapkan (2 jam/ 3 jam)
 - iii. Tempoh penghantaran jawapan: 15 minit.

3.0 SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR

3.1 Peranan pensyarah kursus

- a. Bersedia secara dalam talian sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan bermula jika menggunakan mana-mana platform dalam talian.
- b. Memantau perjalanan peperiksaan akhir secara dalam talian dan sentiasa bersedia dihubungi pelajar sepanjang peperiksaan akhir berlangsung.
- c. Memastikan pelajar mengisi Borang Akujanji Integriti Pelajar terlebih dahulu sebelum peperiksaan akhir bermula. Borang akan diambil kira sebagai bukti kehadiran pelajar yang menduduki peperiksaan akhir secara dalam talian.
- d. Pensyarah kursus perlu menghubungi pelajar yang lewat atau tidak hadir ke peperiksaan pada masa dan tarikh yang ditetapkan.
- e. Memastikan semua pelajar telah memuat naik jawapan dalam masa yang ditetapkan. Pensyarah perlu menghubungi pelajar yang terlibat sekiranya jawapan tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan.

(Rujuk lampiran A)

3.2 Permasalahan Pelajar Semasa Peperiksaan

Tertakluk kepada peruntukan dalam Kaedah-kaedah Hal Ehwal Akademik 1994 (pindaan 2019), pelajar dibenarkan menduduki satu peperiksaan khas dengan mengemukakan bukti bertulis atau dokumen berkaitan bagi kes-kes berikut:

3.2.1 Sekiranya terdapat masalah berkenaan capaian internet, akses dan gangguan elektrik:

- a. Pelajar hendaklah maklumkan dengan kadar segera kepada pensyarah kursus.
- b. Sekiranya masalah dapat diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) minit atau kurang daripada tempoh peperiksaan akhir, pelajar dibenarkan untuk meneruskan peperiksaan tersebut dengan masa tambahan diberikan selama tempoh gangguan yang berlaku.
- c. Sekiranya masalah tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) minit atau lebih setelah peperiksaan bermula, pelajar perlu memaklumkan kepada pensyarah kursus dan membuat permohonan peperiksaan khas kepada BHEA.
- d. Pelajar yang lewat hadir tetapi tidak melebihi 30 minit daripada waktu peperiksaan dimulakan, dibenarkan mengambil peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaannya adalah sama dengan pelajar lain.

- e. Sekiranya pelajar hadir melebihi 30 minit daripada waktu peperiksaan dimulakan, ia adalah atas budi bicara pensyarah sama ada ingin membenarkan pelajar menduduki peperiksaan akhir atau tidak.

3.2.2 Sekiranya tidak sihat atau lain-lain hal yang berkaitan kecemasan

- a. Sekiranya pelajar disahkan sakit oleh Pegawai Perubatan atau berlaku kes kecemasan di luar jangkaan, pelajar boleh membuat permohonan peperiksaan khas kepada BHEA dengan melampirkan sijil cuti sakit atau dokumen sokongan pihak hospital atau klinik kesihatan
- b. Sekiranya pelajar terlibat dengan kes kecemasan seperti bencana alam, kemalangan dan sebagainya, pelajar boleh membuat permohonan peperiksaan khas kepada BHEA dengan mengemukakan bukti bertulis atau dokumen berkaitan.

3.2.3 Peperiksaan khas

- a. Pelajar hendaklah membuat permohonan secara rasmi untuk menduduki peperiksaan khas dengan mengemukakan bukti bertulis / dokumen berkaitan serta mengisi borang permohonan menduduki peperiksaan khas kepada Unit Peperiksaan, BHEA dan mendapatkan pengesahan daripada pensyarah kursus serta sokongan Dekan fakulti.

3.3 Kaedah Penghantaran Jawapan

- a. Pelajar perlu menggunakan platform dalam talian yang sama digunakan semasa peperiksaan akhir untuk memuatnaik jawapan.
- b. Tempoh masa dan kaedah penghantaran skrip jawapan adalah seperti yang ditetapkan oleh pensyarah kursus.
- c. Skrip jawapan yang dimuat naik selepas 15 minit tidak akan diterima.
- d. Pensyarah kursus hendaklah memastikan setiap skrip jawapan disimpan dengan menggunakan no. matrik pelajar.

(Rujuk lampiran B)

4.0 SELEPAS PEPERIKSAAN AKHIR

4.1 Laporan pengendalian peperiksaan

- a. Setiap kali setelah selesai sesi peperiksaan akhir secara dalam talian, pensyarah kursus hendaklah mengisi borang laporan pengendalian peperiksaan akhir secara dalam talian melalui link yang disediakan BHEA.
- b. Pensyarah perlu memberikan laporan berkaitan perjalanan peperiksaan dan senarai pelajar yang tidak hadir dalam peperiksaan tersebut (sekiranya ada).

4.2 Pengisian markah dan Penghantaran Skrip Jawapan

- a. Tempoh pengisian markah adalah berdasarkan tempoh yang ditetapkan oleh BHEA.
- b. Proses kerja bagi pengisian markah peperiksaan secara dalam talian adalah sama seperti peperiksaan akhir secara bersemuka.
- c. Penghantaran Skrip Jawapan yang telah disemak dan borang markah yang telah disahkan hendaklah dihantar dalam bentuk salinan digital ke BHEA.